



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TAHAP PEMAHAMAN TERHADAP KECERDASAN
PELBAGAI DALAM KALANGAN MAHASISWA
ISMP PENDIDIKAN ISLAM DI UNIVERSITI
PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NURUL NAJWA BINTI SOEIM

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**TAHAP PEMAHAMAN TERHADAP KECERDASAN PELBAGAI DALAM
KALANGAN MAHASISWA ISMP PENDIDIKAN ISLAM DI UNIVERSITI
PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

NURUL NAJWA BINTI SOEIM



**PROJEK ILMIAH INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN ISLAM) DENGAN KEPUJIAN**

**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



UPSI/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada¹⁰.....(hari bulan).....JULAI..... (bulan) 20..²⁴...

i. Perakuan pelajar :

Saya, NURUL NAJWA BINTI SOEIM (D20202097540), FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk TAHAP PEMAHAMAN TERHADAP KECERDASAN PELBAGAI DALAM KALANGAN MAHASISWA ISMP PENDIDIKAN ISLAM DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. ABDUL JALAL BIN ABDUL MANAF (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk TAHAP PEMAHAMAN TERHADAP KECERDASAN PELBAGAI DALAM KALANGAN MAHASISWA ISMP PENDIDIKAN ISLAM DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM) DENGAN KEPUJIAN (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia



PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah tuhan sekalian alam kerana limpah kurnianya, projek ilmiah ini telah berjaya disempurnakan. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Dr. Abdul Jalal bin Abdul Manaf selaku pensyarah penyelia yang sabar dalam membantu dan memberi tunjuk ajar kepada saya serta tidak putus memberikan semangat dan nasihat bagi menyiapkan kajian ini. Tidak dilupakan juga kepada Dr. Samsuddin bin Abd Hamid sebagai penyelarar projek ilmiah dan juga selaku pensyarah yang mengajar kami bagi menghasilkan projek ilmiah ini.



Jutaan terima kasih juga kepada keluarga saya iaitu ayah saya Soeim bin Ahmad dan ibu saya Siti Kamisah binti Mohammed Bajuri yang sentiasa memberikan dorongan, semangat serta sokongan dari segi mental dan fizikal sepanjang perjalanan menyiapkan projek ilmiah ini. Terima kasih juga buat adik-beradik saya yang memberikan segala bantuan termasuk bantuan kewangan dalam menjayakan kajian ini.

Terima kasih juga kepada rakan seperjuangan sepanjang saya belajar yang banyak memberikan dorongan serta bantuan sekiranya saya memerlukan. Segala gelak tawa pahit duka yang berlaku sepanjang menyiapkan kajian ini amat saya kenangkan. Semoga Allah membalas segala jasa kalian. Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada diri sendiri yang percaya dengan kemampuan sendiri, segala usaha dan penat lelah yang tidak terkata itu hanya berlaku atas izin daripada Allah SWT.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pemahaman terhadap kecerdasan pelbagai dalam kalangan mahasiswa ISMP Pendidikan Islam di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Seramai 162 responden telah dipilih secara rawak dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi Pendidikan Islam dari semester empat hingga tujuh. Pendekatan kuantitatif yang telah digunakan sebagai reka bentuk kajian ini. Instrumen kajian terdiri daripada satu set soal selidik yang telah dilakukan kesahan oleh dua orang pakar bidang. Data yang diperolehi itu telah diproses dengan menggunakan perisian komputer *SPSS*. Data dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif iaitu kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Statistik deskriptif digunakan untuk mengenal pasti tahap pemahaman mahasiswa Pendidikan Islam terhadap kecerdasan pelbagai. Dapatan kajian secara keseluruhan menunjukkan bahawa tahap pemahaman mahasiswa Pendidikan Islam terhadap kecerdasan pelbagai dari aspek teori asas berada pada tahap tinggi iaitu ($\text{min} = 4.4068$, $\text{SP} = 0.54672$). Manakala dapatan kajian bagi tahap pemahaman mahasiswa Pendidikan Islam dari aspek kategori kecerdasan pelbagai adalah berada pada tahap tinggi ($\text{min} = 4.3025$, $\text{SP} = 0.53718$). Dapatan kajian bagi tahap pemahaman mahasiswa Pendidikan Islam terhadap kecerdasan pelbagai dari aspek kaedah pelaksanaan pula adalah berada pada tahap tinggi ($\text{min} = 4.4741$, $\text{SP} = 0.51143$). Kesimpulannya, hasil keseluruhan kajian ini menunjukkan bahawa tahap pemahaman mahasiswa Pendidikan Islam ini berada pada tahap yang tinggi. Implikasi kajian menunjukkan bahawa dapatan yang diperolehi ini boleh dijadikan sebagai panduan bagi meningkatkan perkara yang terdapat kelemahan serta mengekalkan dan mengukuhkan keberkesanan topik kecerdasan pelbagai ini.





LEVEL OF UNDERSTANDING TOWARDS MULTIPLE INTELLIGENCES AMONG ISLAMIC EDUCATION STUDENTS AT SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

ABSTRACT

The purpose of this study is to assess the level of understanding of multiple intelligences among students enrolled in the Bachelor of Education in Islamic Education program at UPSI. A total of 162 respondents were randomly selected from students in the semesters four, five, six and seven. The study design adopted was quantitative in nature. The questionnaires were developed by the researcher and reviewed by two field experts. The data collected in this study was analyzed by SPSS software. Descriptive statistics comprising of frequency, percentage, mean and standard deviation were used to analyze the collected data. To assess the level of understanding of the students in Islamic Education concerning the multiple intelligences, descriptive statistics was used. In general, the results reveal that the students' knowledge regarding the basic theory of multiple intelligences is highly developed ($M = 4.4068$, $SD = 0.54672$). The results indicate that the students also have a high degree of knowledge about the categories of multiple intelligences ($M = 4.3025$, $SD = 0.53718$). Also, the students' knowledge about the implementation methods of multiple intelligences is perceived as rather high ($M = 4.4741$, $SD = 0.51143$). In conclusion, the overall findings of the present study suggest that the extent of knowledge of multiple intelligences of the students of Islamic Education is high. The consideration of this study indicates that the conclusions can help enhance the areas of deficiency, as well as to preserve and enhance the effectiveness of the topic of multiple intelligences.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xv



BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Penyataan Masalah	6
1.4	Tujuan Kajian	10
1.5	Objektif Kajian	10
1.6	Persoalan Kajian	11
1.7	Kepentingan Kajian	11
1.8	Batasan Kajian	13
1.9	Definisi Operasional	14
1.9.1	Pemahaman	15
1.9.2	Kecerdasan	15



1.9.3 Kecerdasan Pelbagai	16
1.10 Kesimpulan	16

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	18
2.2 Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	19
2.2.1 Penubuhan	19
2.2.2 Pengurusan	21
2.2.3 Fakulti Sains Kemanuisaan (FSK)	23
2.2.4 Jabatan Pengajian Islam (JPI)	24
2.2.5 Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam di UPSI	25
2.3 Kecerdasan Pelbagai	26
2.3.1 Konsep Kecerdasan	26
2.3.2 Kemunculan Kecerdasan	27
2.3.3 Definisi Kecerdasan	29
2.3.4 Teori Kecerdasan Pelbagai	31
a. Kecerdasan Verbal-Linguistik	34
b. Kecerdasan Logik-Matematik	34
c. Kecerdasan Visual-Ruang	35
d. Kecerdasan Kinestetik	36
e. Kecerdasan Muzik	36
f. Kecerdasan Interpersonal	37
g. Kecerdasan Intrapersonal	37
h. Kecerdasan Naturalis	38
i. Kecerdasan Eksistensial	38

2.3.5 Aplikasi Teori Kecerdasan Pelbagai dalam Pendidikan	39
2.5 Kajian-kajian Lepas	42
2.6 Kesimpulan	46

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	48
3.2 Reka Bentuk Kajian	49
3.3 Lokasi Kajian	50
3.4 Populasi dan Sampel Kajian	51
3.5 Instrumen Kajian	54
3.6 Kesahan Instrumen Kajian	58
3.7 Tatacara Pengumpulan Data Kajian	59
3.8 Tatacara Penganalisan Data Kajian	61
3.9 Kesimpulan	62

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	63
4.2 Demografi Responden Kajian	64
4.2.1 Taburan Responden Mengikut Jantina	64
4.2.2 Taburan Responden Mengikut Umur	65
4.2.3 Taburan Responden Mengikut Semester	66
4.3 Dapatan Kajian	67
4.3.1 Tahap Pemahaman Mahasiswa Pendidikan Islam UPSI terhadap Teori Asas Kecerdasan Pelbagai	67

4.3.2 Tahap Pemahaman Mahasiswa Pendidikan Islam UPSI terhadap Jenis Kecerdasan Pelbagai	73
4.3.3 Tahap Pemahaman Mahasiswa Pendidikan Islam UPSI terhadap Kecerdasan Pelbagai dari aspek kaedah pelaksanaan	79
4.4 Kesimpulan	86

BAB 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	88
5.2 Ringkasan Kajian	89
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	90
5.4 Analisis Deskriptif	91
5.4.1 Tahap Pemahaman Mahasiswa Pendidikan Islam UPSI terhadap Teori Asas Kecerdasan Pelbagai	91
5.4.2 Tahap Pemahaman Mahasiswa Pendidikan Islam UPSI terhadap Jenis Kecerdasan Pelbagai	94
5.4.3 Tahap Pemahaman Mahasiswa Pendidikan Islam UPSI terhadap Kecerdasan Pelbagai dari aspek kaedah pelaksanaan	97
5.5 Rumusan Kajian	99
5.6 Implikasi Kajian	100
5.7 Cadangan	101
5.7.1 Pihak Kemeterian Pendidikan Malaysia (KPM)	102
5.7.2 Pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	102
5.7.3 Pensyarah	103
5.7.4 Mahasiswa	104
5.7.5 Cadangan Kajian Lanjutan	105
5.8 Kesimpulan	107

RUJUKAN

108

LAMPIRAN

113



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Bilangan populasi kajian bagi mahasiswa Pendidikan Islam sesmester empat hingga semester tujuh	52
3.2	Sebahagian penentuan saiz sampel oleh Krejcie & Morgan (1970)	53
3.3	Bilangan sampel kajian berdasarkan populasi	54
3.4	Instrumen tahap pemahaman mahasiswa ISMP Pendidikan Islam di UPSI terhadap kecerdasan pelbagai	55
3.5	Skala dan penerangan pengukuran	57
3.6	Skor min dan tahap	61
4.1	Jantina responden	65
4.2	Profil mahasiswa Pendidikan Islam mengikut umur	66
4.3	Profil mahasiswa Pendidikan Islam mengikut semester	67
4.4	Skor min dan sisihan piawai keseluruhan bagi tahap pemahaman mahasiswa Pendidikan Islam terhadap teori asas kecerdasan pelbagai	68
4.5	Keputusan analisis tahap pemahaman mahasiswa Pendidikan Islam terhadap teori asas kecerdasan pelbagai	69





4.6	Skor min dan sisihan piawai keseluruhan bagi tahap pemahaman mahasiswa Pendidikan Islam terhadap jenis kecerdasan pelbagai	73
4.7	Keputusan analisis tahap pemahaman mahasiswa Pendidikan Islam terhadap jenis kecerdasan pelbagai	74
4.8	Skor min dan sisihan piawai keseluruhan bagi tahap pemahaman mahasiswa Pendidikan Islam terhadap kecerdasan pelbagai dari aspek kaedah pelaksanaan	80
4.9	Keputusan analisis tahap pemahaman mahasiswa Pendidikan Islam terhadap jenis kecerdasan pelbagai dari aspek kaedah pelaksanaan	80
4.10	Skor min dan sisihan piawai keseluruhan	87





SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

- | | |
|-----|----------------------------|
| 2.1 | Formula darjah kecerdasan |
| 3.1 | Carta Alir Tatacara Kajian |

29

60





SENARAI SINGKATAN

BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
EMK	Elemen Merentas Kurikulum
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
FSK	Fakulti Sains Kemanusiaan
IPSI	Institut Perguruan Sultan Idris
IQ	<i>Intelligence Quotient</i>
ISMP	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan
JPI	Jabatan Pengajian Islam
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSAJ	Kampus Abdul Jalil Shah
KSAS	Kampus Sultan Azlan Shah
MPSI	Maktab Perguruan Sultan Idris
PDP	pengajaran dan pembelajaran
PDPC	Pengajaran dan pemudahcaraan
S	Setuju
SITC	Sultan Idris Training College
SP	Sisihan Piawai
SPSS	<i>Statistical Packages for the Social Sciences</i>



SS	Sangat Setuju
STS	Sangat Tidak Setuju
TKP	Teori Kecerdasan Pelbagai
TP	Tidak Pasti
TS	Tidak Setuju
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A Borang Soal Selidik



BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Gaya pembelajaran mempunyai perkaitan dengan personaliti dan cara belajar individu yang mempengaruhi dalam menerima dan memproses maklumat dalam pelbagai cara yang berbeza (M. Kaviza, 2019). Hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dalam menerajui pendidikan terkini dengan memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani (Syahira Rosli, Siti Fairuz Mahmud & Mohd Edyazuan





Azni, 2022). Sehubungan dengan itu, usaha pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah lama memperkenalkan strategi pengajaran di dalam bilik darjah yang salah satunya adalah teori kecerdasan pelbagai yang sehingga kini teori ini masih diteruskan dengan penerbitan modul kecerdasan pelbagai yang ditambah baik oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) pada tahun 2022 (BPK, 2022).

Justeru itu, pembelajaran berkenaan teori kecerdasan pelbagai ini turut ditawarkan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebagai subjek teras pendidikan yang wajib diambil oleh kesemua mahasiswa pendidikan dan topik ini dipelajari di dalam kursus Pembelajaran dan Perkembangan Pelajar. Kecerdasan pelbagai ini dimuatkan dalam salah satu topik bagi kursus ini dengan tujuan membantu guru dalam mengenali bakat pelajar remaja serta sumbangan kecerdasan pelbagai ini dalam menyelesaikan masalah pembelajaran remaja. (UPSI, 2020). Pengkaji memulakan bab ini dengan pendahuluan yang diteruskan dengan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi istilah kajian serta kesimpulan. Setiap subtopik yang diletakkan dalam bab ini akan menjadi panduan kepada pengkaji dalam mendapatkan matlamat kajian sepertimana yang telah dirancang.



1.2 Latar Belakang Kajian

Kemunculan teori kecerdasan pelbagai ini bermula dengan Howard Gardner yang mahu membuktikan bahawa kecerdasan yang dinilai melalui ujian IQ (*Intelligence Quotient*) ini tidak tepat kerana tiada kajian yang boleh membuktikan kecerdasan yang dikira melalui pengiraan itu menjadi sandaran kepada kecemerlangan seseorang pelajar di sekolah sehinggalah kecerdasan didefinisikan dengan sebenarnya-benarnya (Siti Kausar Zakaria, Ruslin Amir, Norzaini Azman & Mohd Noor Daud, 2015). Demikian pula, teori ini dikemukakan atas dasar pertikaian Gardner ini kepada penilaian sistem pendidikan yang hanya mengambil kira kecerdasan verbal-linguistik dan logik-matematik yang ada pada seseorang pelajar (Siti Rahayah Ariffin, Roseni Ariffin Hafsa & Mohamed Makki, 2008). Selain itu, Chua, Y. P. (2014) menyebutkan bahawa Gardner juga percaya bahawa konsep utama yang telah diperkenalkan mengenai kecerdasan manusia seperti IQ itu terlalu sempit dan terhad yang menjadi salah satu faktor utama kewujudan teori kecerdasan pelbagai ini.

Pada tahun 1980-an, Howard Gardner telah mengemukakan suatu teori iaitu Teori Kecerdasan Pelbagai (*Multiple Intelligences*) yang merupakan sebuah teori yang memberi pengkelasan bahawa semua individu mempunyai kecerdasan pelbagai kerana kecerdasan manusia ini bukan hanya tertumpu kepada satu faktor sahaja malahan ianya berkembang sama ada melalui persekitaran, pendidikan dan juga pengalaman. Gardner menyatakan lagi, tidak semua individu mempunyai kesemua bidang kecerdasan kerana setiap kecerdasan adalah berasingan dan tidak saling bergantung. Adakala seseorang individu itu cemerlang dalam sesuatu bidang kemahiran akan tetapi tidak mampu menguasai bidang kecerdasan

yang lain (Siti Rahayah Ariffin, Roseni Ariffin, Arbaiyah Md Zin & Nik Noralhuda Nik Mohamed, 2011).

Gardner menemukan tujuh kecerdasan pelbagai dan setelah satu dekad kemudian, beliau menambah teori kecerdasan yang kelapan yang boleh diperkembangkan sepanjang hayat (Morgan, H., 2021). Kecerdasan tersebut ialah verbal-linguistik, logik-matematik, visual-ruang, kinestetik badan, muzik, interpersonal, intrapersonal dan naturalis. Gardner (1983) juga menyatakan kesemua manusia ini mempunyai kelapan-lapan kecerdasan akan tetapi terdapat perbezaan bagi tahap kecerdasan setiap manusia. Seseorang orang itu kemungkinan mencapai tahap yang tinggi dalam sesetengah kecerdasan dan tahap yang rendah dalam kecekapan lain manakala ada juga mereka yang hampir kesemua mencapai tahap tinggi dalam lapan kecerdasan ini. Pada tahun 1992, Gardner telah menambah satu lagi kecerdasan rohani atau eksistensial (*transcendental intelligence*) menjadikan kecerdasan pelbagai bertambah kepada sembilan entiti yang wujud pada setiap individu (Siti Kausar Zakaria & Mohd Noor Daud, 2021).

Justeru itu, kecerdasan pelbagai ini merupakan suatu teori yang penting dalam bidang pendidikan kerana ianya diakui bahawa setiap murid itu memiliki kecerdasan yang pelbagai dan cara seseorang murid berfikir, bertindak dan belajar adalah berlainan dengan seseorang murid yang lain (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001). Maka dengan itu, pada tahun 2001 Bahagian Pembangunan Kurikulum yang dahulunya dikenali sebagai Pusat Perkembangan Kurikulum telah menerbitkan modul yang bertajuk Aplikasi Teori



Kecerdasan Pelbagai dalam Pengajaran dan Pembelajaran yang dijadikan sebagai rujukan utama guru untuk mengaplikasikan teori ini ketika PdPc. Penerbitan bahan sokongan ini merupakan satu usaha pihak KPM untuk memastikan pelaksanaan kurikulum persekolahan dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Chua, S. S. (2024) menyatakan pengahsilan modul ini juga didasarkan bagi memenuhi Pelan Pembangunan Pendidikan 2001-2010 yang memberi perhatian kepada perkembangan subjektif dan perbezaan murid yang juga berusaha untuk mencapai struktur kurikulum yang seimbang, menyeluruh dan selektif serta memfokuskan pembudayaan akhlak, intelek dan jasmani. Menurut beliau juga, pelan itu juga menyatakan pembangunan insan adalah secara menyeluruh, harmoni dan seimbang serta menyesuaikan diri dengan keperluan pengajaran murid mengikut kebolehan dan pendidikan yang berbeza. Usaha dalam menerapkan teori ini diteruskan sehingga kini dengan penerbitan siri bahan sokongan yang ditambah baik pada tahun 2022 iaitu Modul Kecerdasan Pelbagai sempena Persidangan Kurikulum Kebangsaan yang dijalankan pada 19 hingga 21 Julai 2022 (Jabatan Pendidikan Negeri Johor, 2022).

Modul yang diterbitkan oleh BPK ini disasarkan kepada murid sekolah yang mana ianya boleh diaplikasikan oleh guru-guru sekolah rendah atau sekolah menengah. Modul ini dapat membantu cikgu membangkitkan minat dan menyerlahkan potensi murid semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) berdasarkan kecerdasan pelbagai yang dimiliki (BPK, 2022). Norizah Tukiman, Abu Bakar Nordin dan Zaharah Hussin (2014)



menyatakan guru perlu memainkan peranan penting untuk mengimplementasikan teori dalam sesi pembelajaran dengan mengambil semua aspek yang akan menjadikan penglibatan murid lebih aktif. Di samping itu, kaedah ini juga dapat membantu pendidik dalam mengendali serta menyesuaikan diri dengan perbezaan murid dan juga suasana pembelajaran (Chew, F. P., 2011).

Teori kecerdasan pelbagai ini tidak asing lagi bagi mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris yang mana topik ini turut dipelajari oleh kesemua mahasiswa yang berada dalam bidang pendidikan. Topik ini dipelajari dalam subjek Pembelajaran dan Perkembangan Pelajar yang mana kursus ini membincangkan aspek pembelajaran dan perkembangan yang salah satunya meliputi kepelbagaian murid. Kursus ini ditawarkan kepada mahasiswa ijazah sarjana muda yang berada di semester empat iaitu pada tahun kedua yang mana ianya merupakan subjek teras bagi mahasiswa pendidikan. Oleh yang demikian, faktor inilah yang membawa pengkaji untuk membuat kajian berkenaan tahap pemahaman terhadap Kecerdasan Pelbagai dalam kalangan Mahasiswa Pendidikan Islam Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

1.3 Penyataan Masalah

Peningkatkan kualiti pendidikan menuju ke Pendidikan 4.0 amat memerlukan transformasi dengan menggunakan strategi yang pelbagai dan teori kecerdasan pelbagai sebagai alat

perancangan dalam pengajaran agar pelajar menguasai kemahiran di pasaran global yang berdaya saing. Dalam konteks kecerdasan pelbagai, Tajul Nizam Ibrahim, Zaharah Hussin dan Ahmad Zabidi Abdul Razak (2024) menyatakan kesediaan guru merupakan kunci utama dalam mendepani arus transformasi pendidikan negara. Fenomena keperluan pendidikan yang berubah-ubah menjadi satu cabaran dalam usaha untuk mengaplikasikan kepelbagaian pedagogi yang memerlukan kepada kesediaan guru untuk bergerak seiring dengan perubahan sistem bagi memastikan objektif tercapai. Sekiranya guru tidak mempunyai tahap penguasaan yang baik terhadap kepelbagaian pedagogi termasuklah kaedah pengajaran berasaskan teori kecerdasan pelbagai, kemungkinan para guru tidak mampu untuk mengaplikasikan teori ini di dalam kelas (Norizah Tukiman et al., 2014).

Selain itu, para guru lebih gemar menggunakan pendekatan pengajaran yang tradisional iaitu pendekatan menyampaikan maklumat kepada murid secara sehalu sahaja, tanpa mengambil kira sama ada murid faham atau tidak maklumat yang disampaikan. Pendekatan penggunaan bahan bantu mengajar dan kerja-kerja amali kurang dipraktikkan oleh sebilangan guru pendidikan Islam di sekolah menengah (Abdul Munir Ismail, 2018). Hal ini menyebabkan sesetengah murid tidak mampu untuk memberi tumpuan yang sepenuhnya yang menyebabkan murid keciciran dalam pembelajaran. Tambahan pula, Nor Asniza Ishak, Siti Mastura Baharudin & Nurul Ashikin Izhar (2022) menyatakan strategi pengajaran yang diaplikasikan dalam kelas juga tidak meluas sebagaimana kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang perlu menerapkan unsur nilai tambah iaitu elemen merentas kurikulum (EMK) dalam proses PdPc (KPM, 2017). Pengkaji juga menyatakan seorang guru atau pendidik itu hanya menerangkan tentang sesuatu idea dan



konsep tanpa memberikan contoh dan maklumat yang mempunyai kaitan dengan pengetahuan yang lain.

Norazlin Mohd Rusdin dan Siti Rahaimah Ali (2019) menyatakan masalah yang menghalang dalam pengimplementasian kepelbagaian pedagogi dalam kelas adalah berkenaan dengan kekangan masa yang melibatkan dua aspek iaitu masa ketika proses pembelajaran dan juga waktu pengajaran mereka terganggu oleh aktiviti-aktiviti lain yang tidak berkaitan dengan pengajaran mereka. Guru menyatakan bahawa aktiviti dan proses pembelajaran abad ke-21 memerlukan masa yang panjang untuk murid menyelesaikan aktiviti kumpulan yang dijalankan. Di samping itu, mereka juga menyatakan terdapat tugas-tugas lain seperti tugas luar dan juga program sekolah semasa PdPc yang perlu diikuti. Ini menyebabkan guru perlu menghadapi cabaran dari segi kekangan masa untuk menghabiskan silibus sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pihak KPM.

Kajian Sharifah Nasyura Syed Asni, Haziha Sa'ari & Azmi Ab Rahman (2018) menunjukkan keterbatasan dalam menggunakan teori kecerdasan pelbagai dalam kelas adalah bilangan murid yang ramai disamping kurangnya sumber kewangan. Sekiranya bilangan murid terlampau ramai, ianya akan menjadi cabaran yang besar bagi guru untuk mengenal pasti tahap kecerdasan setiap muridnya. Dapatan ini selari dengan kajian M. Motshidisi. dan R. Mmankoko (2013) yang menyatakan bahawa guru ini menghadapi masalah iaitu kelas yang padat kerana bilangan murid yang ramai yang ditempatkan di dalam satu kelas. Beliau juga menyatakan kekurangan sumber kewangan menjadikan



kekangan dalam menyediakan bahan dalam merancang aktiviti untuk dilakukan di dalam kelas.

Seterusnya, guru juga perlu untuk menghabiskan sukatan pelajaran sepertimana yang telah ditetapkan oleh KPM yang menyebabkan guru tidak mampu untuk mengaplikasikan teori tersebut. Risky Setiawan, Djemari Mardapi, Aman dan Umum Budi Karyanto (2020) mengatakan tahap kurikulum semasa masih terasa terlalu berat untuk dipelajari yang menyebabkan guru perlu mengulang topik yang sama. Keadaan ini menyebabkan guru tidak boleh melakukan aktiviti semasa pembelajaran disamping guru perlu mengejar sasaran kurikulum dan tidak mempunyai kesempatan untuk mengaplikasikan pengajaran abad ke-21 yang menggunakan teknologi. Selari dengan kajian Idawarna Hasin, Rashidah Othman, Noor Syahida Abdullah, Kartini Mohd Yusoff dan Mohd Roslan Ab Rahman (2022) menyatakan bahawa, pembelajaran digital dalam sistem pendidikan negara ini terlihat setelah melalui piawaian kualiti global yang menjadi penanda aras dalam memastikan kumpulan pelajar dapat memanfaatkannya.

Permasalahan yang timbul juga adalah bebanan tugas guru yang terlampau banyak yang menjadi asbab seorang guru itu tidak mampu untuk melaksanakan kepelbagaian kaedah pengajaran semasa PdPc. Ini dibuktikan pada kajian Hamdan Hamami dan M. Al-Muz-Zammil Yassin (2022) menyatakan bahawa guru mengalami bebanan yang tinggi kerana perlu melakukan tugas dalam masa yang panjang bagi menyelesaikan tugas akademik mahupun bukan akademik mereka. Setiap tugas yang diterima itu semestinya



perlu diselesaikan akan tetapi sekiranya guru terus dibebani dengan tugas-tugas lain sehingga tugas hakiki mereka terabai, ianya akan memberi tekanan kepada guru yang boleh mengurangkan komitmen kepada profesion perguruan (Normala Mehat, Norehan Abdullah & Kalthum Hassan, 2021).

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui tahap pemahaman mahasiswa Pendidikan Islam di UPSI berkenaan teori kecerdasan pelbagai yang boleh diaplikasikan semasa sesi pengajaran dan pemudahcaraan.



1.5 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk:

1. Mengenal pasti tahap pemahaman mahasiswa Pendidikan Islam terhadap kecerdasan pelbagai dari aspek teori asas.
2. Mengenal pasti tahap pemahaman mahasiswa Pendidikan Islam dari aspek kategori kecerdasan pelbagai.



3. Mengenal pasti tahap pemahaman mahasiswa Pendidikan Islam terhadap kecerdasan pelbagai dari aspek kaedah pelaksanaan.

1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian di atas, kajian ini adalah untuk menjawab persoalan-persoalan seperti yang berikut:

1. Apakah tahap pemahaman mahasiswa Pendidikan Islam terhadap teori asas bagi kecerdasan pelbagai?
2. Apakah tahap pemahaman mahasiswa Pendidikan Islam berkenaan dengan jenis teori kecerdasan pelbagai?
3. Apakah tahap pemahaman mahasiswa Pendidikan Islam berkenaan dengan kaedah pelaksanaan berdasarkan kepada kecerdasan pelbagai?

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap pemahaman mahasiswa Pendidikan Islam di UPSI berkenaan kecerdasan pelbagai ini sebagai satu persediaan dalam menghadapi kepelbagaian murid apabila berada di sekolah kelak. Sebagai mahasiswa bagi bidang

pendidikan, perlu mengambil cakna mengenai kecerdasan pelbagai ini kerana ianya lebih holistik dan fleksibel. Oleh itu, terdapat empat pihak yang terlibat bagi melaksanakan jalan penyelesaian seperti yang akan dicadangkan oleh pihak pengkaji. Antaranya ialah:

1. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Kajian ini memberikan kepentingan kepada pihak KPM kerana dapat memberi maklumat yang baru terhadap aspek kecerdasan pelbagai selaras dengan penerbitan bahan sokongan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Kajian ini akan memberikan sisi baru kepada pihak KPM berkenaan tahap pemahaman mahasiswa khususnya bidang Pendidikan Islam yang boleh membantu pihak KPM dalam mencapai matlamatnya.

2. Universiti

Kajian ini penting bagi pihak universiti untuk menilai tahap pemahaman mahasiswa terhadap kecerdasan pelbagai yang akan memberikan gambaran sebenar pemahaman mahasiswa sebagai bakal guru bagi mencapai hasrat FPK. Diharapkan dapatan kajian ini akan dapat menggambarkan input pembelajaran pada subjek Pembelajaran dan Perkembangan Pelajar yang ditawarkan di universiti ini sama ada ia berkesan kepada mahasiswa ataupun tidak.

3. Pensyarah

Kajian ini juga memberikan gambaran kepada pensyarah pada aspek pemahaman mahasiswa berkaitan topik ini. Berdasarkan kajian ini, pensyarah boleh melihat

topik yang dipelajari dalam subjek KPP 3014 Pembelajaran dan Perkembangan Pelajar ini berada pada tahap yang tinggi atau sebaliknya. Dapatan kajian ini juga akan dapat dijadikan panduan sebagai kerelevanan topik ini dipelajari dalam subjek tersebut

4. Mahasiswa

Kajian ini membantu dalam proses pembelajaran mahasiswa yang membolehkan mereka melihat tahap pemahaman mereka sama ada berada di tahap yang sepatutnya atau tidak. Selain itu, kajian ini membolehkan mereka memahami dengan lebih lanjut berkaitan dengan teori kecerdasan pelbagai sebagai ilmu tambahan sebagaimana yang telah dipelajari di dalam subjek Pembelajaran dan Perkembangan Pelajar.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa batasan yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Batasan ini sebagai penanda kepada pengkaji supaya lebih tertumpu fokus utama kajian. Antaranya adalah:

1. Pengkaji hanya memfokuskan kepada mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) kerana di universiti ini terdapat mahasiswa yang mengambil bidang pendidikan dan telah melahirkan ramai graduan yang menjadi seorang guru. Fokus

kajian ini tidak melibatkan mahasiswa di uiniversiti lain walaupun latar belakang mahasiswa tersebut mengambil bidang pendidikan.

2. Mahasiswa yang mengambil kos Pendidikan Islam sahaja yang menjadi pilihan pengkaji kerana fokus kajian ini untuk mengenal pasti tahap pemahaman berkaitan teori kecerdasan pelbagai ini pada mereka yang mengambil bidang Pendidikan Islam.
3. Mahasiswa Pendidikan Islam dari semester empat hingga semester tujuh sahaja yang akan diambil sebagai responden untuk kajian. Ini kerana teori kecerdasan pelbagai ini dipelajari oleh mahasiswa semasa semester empat pada subjek Pembelajaran dan Perkembangan Pelajar.

1.9 Definisi Operasional

Di dalam kajian ini terdapat beberapa istilah penting yang perlu diberi penerangan kerana setiap istilah membawa maksud yang tersendiri. Berikut merupakan beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini.

1.9.1 Pemahaman

Definisi bagi pemahaman adalah perihal memahami iaitu apa yang difahami tentang sesuatu atau sejauh mana sesuatu itu difahami. (Kamus Dewan, 2014). Aspek pemahaman yang digunakan dalam kajian ini diambil daripada taksonomi objektif pendidikan yang telah dibina oleh Bloom (1956) sebagai kategori tahap pemikiran dalam domain kognitif. Menurut Nor Alniza Azman, Hafizhah Zulkifli dan Ab. Halim Tamuri (2023), memahami merupakan sebuah proses membina makna melalui aktiviti mentafsir, memberi contoh, mengklasifikasikan, meringkaskan, membuat kesimpulan, membanding atau menerangkan hasil dari perolehan maklumat yang pelbagai seperti bahan bertulis dan bentuk grafik. Terdapat beberapa aspek pemahaman yang diuji dalam kajian ini iaitu aspek teori asas, kategori kecerdasan pelbagai dan juga kaedah pelaksanaannya.

1.9.2 Kecerdasan

Wan Rezawana Wan Daud, Tajul Arifin Muhamad dan Melor Md Yunus (2021) memberi definisi kecerdasan sebagai suatu kebolehan individu untuk berfikir atau menaakul dalam proses untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran. Selain itu, Salhah Abdullah (2009) menyatakan kecerdasan ini didefinisikan sebagai keupayaan untuk belajar, berfikir, dan menyesuaikan diri melalui pengalaman dan Gardner (1996) pula menyatakan keupayaan menyelesaikan masalah atau menghasilkan sesuatu yang bermakna dalam budayanya.

Justeru dalam kajian ini, setiap individu mempunyai potensi tersendiri yang turut dilabelkan sebagai kecerdasan kerana setiap potensi itu adalah unik dan berbeza.

1.9.3 Kecerdasan Pelbagai

Dalam kajian ini, konsep kecerdasan pelbagai yang wujud adalah sebagai panduan untuk memetakan berbagai kemampuan dengan mengumpulkan kemampuan yang ada pada individu kedalam kategori-kategori kecerdasan (Armstrong, 2009). Perbezaan aspek kecerdasan inilah yang menjadikan murid berfikir dan belajar dengan cara yang berbeza seperti murid yang mempunyai kecerdasan visual ini lebih mudah belajar apabila ditunjukkan gambar sambil diberi penerangan. Potensi individu berdasarkan kecerdasan pelbagai ini dijadikan sebagai panduan kepada guru dalam mengenal pasti kecenderungan kecerdasan masing-masing.

1.10 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini telah membincangkan berkenaan pendahuluan, latar belakang teori kecerdasan pelbagai dan pembelajaran kecerdasan pelbagai ini pada subjek Pembelajaran dan Perkembangan Pelajar, pernyataan masalah yang menghuraikan



permasalahan dalam penerapan teori kecerdasan pelbagai dalam sesi pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc), tujuan kajian, objektif serta persoalan kajian. Bab ini diteruskan dengan kepentingan kecerdasan pelbagai kepada mahasiswa Pendidikan Islam di UPSI dan tidak terkecuali pada pihak universiti. Yang terakhir adalah perbincangan batasan kajian sebagai panduan perkara yang hendak dikaji dan definisi operasional yang berkaitan dengan kajian.

